

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
(PASIR MAS)**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan berhubung projek kapal tempur pesisir pantai (LCS) pertama milik Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang dijangka ditauliahkan pada 2021, berapa jumlah yang telah dibelanjakan kepada pihak kontraktor berbanding perancangan asal, dan setakat mana keterlibatan pemain tempatan dan manfaat yang diperolehi dari program "*transfer of technology*" dari pembuat asal peralatan (OEM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berakhir September 2019, pembayaran yang melibatkan perolehan 6 buah *Littoral Combat Ship* (LCS) kepada limbungan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd (BNSSB) adalah berjumlah RM6.04 bilion berbanding perancangan asal berjumlah RM7.15 bilion.

Secara keseluruhan, pembinaan LCS ini dilaksanakan sepenuhnya oleh limbungan BNSSB yang merupakan limbungan tempatan yang dilantik oleh pihak kerajaan berdasarkan Rundingan Terus. Kolaborasi di antara limbungan BNSSB dengan pembuat asal peralatan (Original Equipment Manufacturer - OEM) telah memainkan peranan penting di dalam memastikan '*transfer of technology and knowledge*' seperti aktiviti pembinaan kapal dan latihan diterima sepenuhnya oleh limbungan dan syarikat tempatan bagi meningkatkan kepakaran serta kemahiran di dalam pembinaan kapal-kapal baharu berpandukan teknologi terkini.

Melalui kontrak perolehan LCS ini, 3 syarikat tempatan utama (STU) iaitu Syarikat BNSSB, Syarikat Contraves Advances Devices (CAD) dan Syarikat MTU Services Sdn Bhd serta 18 pembuat asal peralatan (OEM) telah menyumbang kepada 81 program *offset* yang memberi manfaat kepada lebih 400 syarikat tempatan.

Kementerian Pertahanan juga sentiasa mematuhi Dasar dan Garis Panduan Kolaborasi Industri atau *Industrial Collaboration Programme* dalam semua prosedur perolehannya. Justeru dengan itu, bagi kontrak perolehan LCS, daripada jumlah keseluruhan program *offset* yang tersebut di atas, sebanyak 35% adalah *Transfer of Technology* (ToT) telah diperolehi dan dimanfaatkan oleh syarikat tempatan. Terdapat pelbagai pengetahuan dan teknologi yang telah dipindahkan oleh pembuat asal peralatan (OEM) kepada syarikat tempatan Malaysia yang antaranya ialah pakej data teknikal, teknologi reka bentuk kapal LCS, dokumentasi dan manual.

Pemindahan teknologi dan pengetahuan ini telah mewujudkan kepakaran tempatan dan turut memberi manfaat kepada syarikat tempatan dalam menguasai aspek reka bentuk kapal, kejuruteraan, pemasangan, pengujian dan aktiviti-aktiviti sokongan yang lain. Secara tidak langsung, pemindahan pengetahuan dan teknologi ini juga dapat meningkatkan keupayaan sumber tenaga kerja, kemahiran dan kompetensi pekerja tempatan.